



**Geran Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2026  
Senarai Soalan Kerap Ditanya (FAQ)**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jawapan</b>
1.	Permohonan oleh penyelidik yang mempunyai geran aktif	<p>Merujuk garis panduan, Ketua Projek Penyelidikan tidak dibenarkan mengetuai projek penyelidikan lain yang masih aktif semasa permohonan dibuka.</p> <p>Walau bagaimanapun, pengecualian boleh dipertimbangkan, tertakluk pada syarat bahawa geran sedia ada menunjukkan kemajuan pelaksanaan yang baik (melebihi 75%) dan penilaian ini adalah berdasarkan kemajuan projek, bukan dana yang masih berbaki.</p> <p>Sehubungan dengan itu, ketetapan dalam garis panduan adalah terpakai dan menjadi rujukan utama dalam proses permohonan.</p>
2.	Keperluan penilaian dalaman (RMC)	<p>Permohonan daripada IPTA/IPTS hendaklah melalui <b>proses penilaian dalaman sebelum diperakukan</b> oleh pusat pengurusan penyelidikan (RMC) institusi masing-masing.</p> <p>Walau bagaimanapun, pihak DBP tidak menetapkan sebarang kriteria khusus atau kaedah penilaian dalaman tersebut. Pelaksanaan penilaian adalah tertakluk kepada prosedur dan ketetapan institusi masing-masing.</p> <p>Sehubungan dengan itu, proses penilaian dalaman masih merupakan keperluan dalam tatacara permohonan dengan pelaksanaannya diselaraskan oleh pihak RMC pada peringkat institusi.</p>
3.	Penentuan pegawai DBP dalam kumpulan penyelidik	<p>Setiap projek penyelidikan perlu melibatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai DBP sebagai ahli kumpulan penyelidik.</p> <p>Sehubungan dengan itu, terdapat dua situasi pelibatan pegawai DBP seperti yang berikut:</p> <p>(a) Sekiranya kumpulan penyelidik telah mengenal pasti pegawai DBP yang bersesuaian, pemohon boleh mencadangkan dan menamakan pegawai tersebut dalam permohonan.</p> <p>(b) Sekiranya tiada cadangan pegawai DBP, pemohon boleh mengemukakan permohonan seperti biasa dengan mengosongkan bahagian berkenaan. Pihak DBP melalui Jawatankuasa Pemandu akan membantu menentukan pegawai yang bersesuaian</p>



**Geran Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2026**  
**Senarai Soalan Kerap Ditanya (FAQ)**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jawapan</b>
		berdasarkan bidang penyelidikan yang dicadangkan.
<b>4.</b>	<b>Kelayakan staf antarabangsa sebagai Ketua Projek Penyelidikan</b>	<p>Ketua Projek Penyelidikan perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan seperti status perkhidmatan bertaraf tetap/kontrak serta keperluan melibatkan sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama warganegara Malaysia dalam bidang kepakaran yang sama dan dari institusi yang sama.</p> <p>Sehubungan dengan itu, staf antarabangsa boleh dipertimbangkan tertakluk pada pematuhan syarat-syarat tersebut.</p>
<b>5.</b>	<b>Pengiktirafan artikel dalam jurnal MyCITE sebagai output</b>	<p>Garis panduan menetapkan bahawa setiap projek perlu menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks serta penerbitan DBP. Dalam konteks ini, jurnal MyCITE boleh dipertimbangkan sebagai penerbitan berindeks tertakluk pada pengiktirafan semasa dan kesesuaian dengan keperluan yang ditetapkan.</p>

Disediakan oleh:  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik,  
Jabatan Dasar dan Penyelidikan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.